

Belanjawan 2023 tangani isu kos sara hidup, pacu ekonomi

Kerangka berlandas falsafah pembangunan holistik dengan prinsip keadilan, kebajikan

Oleh Kamarulzaidi Kamis
kamarulzaidi@nstp.com.my

Kuala Lumpur: Belanjawan 2023 yang akan dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini dijangka sarat dengan langkah penambahbaikan, khususnya dalam menangani kos sara hidup dan memperkukuh jaringan keselamatan sosial untuk golongan miskin tegar serta kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana.

Belanjawan yang tentunya berlandaskan Konsep MADANI yang diamalkan kerajaan iaitu bagi membangun tanah air lebih mampan dan makmur berteraskan ruh daya cipta, nilai hormat, keyakinan dan ihsan, di mana keterangkuman dan kesaksamaan menjadi teras utamanya - iaitu sebuah masyarakat Malaysia yang adil.

Justeru, kerangka belanjawan kali ini pasti lebih terarah kepada kecenderungan sosiodemokrasi yang berlandaskan falsafah 'pembangunan yang holistik serta dipandu oleh empati, etika, prinsip keadilan dan kebajikan'.

Tiga bidang utama dijangka mendapat perhatian kali ini iaitu memperkukuhkan aktiviti pelaburan, perniagaan, perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) serta menjana pekerjaan.

Bidang pertama adalah mewujudkan masyarakat yang saksama dengan menangani jurang kekayaan menerusi beberapa cadangan seperti menetapkan gaji rakyat.

Bidang kedua, menyusun semula ekonomi untuk memberi tumpuan kepada pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan menjauhi projek besar yang memberi manfaat kepada syarikat besar.

Bidang tumpuan ketiga pula menangani kebimbangan minoriti termasuk peminggiran kaum lain, penduduk luar bandar, miskin tegar serta rakyat di Sabah dan Sarawak.

Belanjawan kali ini adalah belanjawan sulung Anwar yang juga selaku Menteri Kewangan sejak menerajui Kerajaan Perpaduan pada November lalu, walaupun beliau sudah membentangkan 'Bajet Mini' pada Disember lalu



Anwar memasukkan dokumen Belanjawan 2023 ke dalam beg ketika meninjau persiapan penyediaan Belanjawan 2023 bertema 'Malaysia MADANI' di Kementerian Kewangan, semalam.

(Foto BERNAMA)

bagi tujuan perbelanjaan perkhidmatan.

Pada 7 Oktober 2022, Belanjawan 2023 dibentangkan oleh Menteri Kewangan ketika itu, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz memabitkan peruntukan terbesar dalam sejarah berjumlah RM372.3 bilion atau 20.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Ia adalah peningkatan yang ketara berbanding peruntukan Belanjawan 2022 sebanyak RM332 bilion dan Belanjawan 2021 berjumlah RM322 bilion.

Namun, Belanjawan 2023 tidak sempat dibawa ke Parlimen untuk diluluskan kerana Parlimen dibubarkan 10 Oktober 2022 bagi memberi laluan kepada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

Susulan itu Belanjawan 2023 itu perlu dibentangkan semula di Dewan Rakyat bagi memastikan belanjawan mengurus kerajaan diluluskan.

Peruntukan lebih besar

Terdapat juga jangkaan peruntukan belanjawan yang dibentangkan semula ini lebih besar berbanding RM372.3 bilion yang dibentangkan kerajaan terdahulu.

Penganalisis ekonomi berpendapat, ini kerana kerajaan memiliki ruang bagi menambahkan peruntukan susulan pertumbuhan ekonomi luar jangkaan pada tahun lalu iaitu 8.7 peratus dan kutipan hasil lebih tinggi dengan peningkatan 25 peratus serta langkah penjimatan operasi pengurusan.

Oleh itu, perbelanjaan lebih besar dijangka diguna untuk mele-

MALAYSIA MADANI

takan asas bagi satu lagi pengembangan ekonomi yang kukuh pada tahun ini serta tanpa meminggirkan mana-mana pihak.

Kerajaan dilihat memiliki keupayaan menyalurkan peruntukan bagi melindungi kehidupan rakyat, meningkatkan pendapatan boleh guna dan meningkatkan keselamatan makanan.

Dalam hal ini, terdapat juga jangkaan bahawa kerajaan hari ini akan merangka belanjawan yang berhemah, sekali gus mengurangkan lagi hutang kerajaan, meskipun di tengah-tengah jangkaan Malaysia tidak terkecuali daripada menerima kesan kemelesetan ekonomi utama global tahun ini.

Malah, Anwar membuktikan sepanjang menjadi Menteri Kewangan sebelum ini, hutang negara semakin berkurangan dan Malaysia mengalami lebih belanjawan yang berterusan dari 1993 sehinggalah 1997.

Bagi penganalisis ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, kelebihan rangkaian dimiliki Perdana Menteri terutama di luar negara perlu diguna pakai untuk memperbetulkan kewangan negara seperti menurunkan hutang negara yang kini melebihi RM1 trilion dan menarik pelabur asing.

"Kerajaan melalui dasar fiskal tidak boleh terus berbelanja dengan meningkatkan hutang untuk membangunkan ekonomi negara. Ia perlu diimbangi dengan wang pelaburan terutama dari luar negara yang lebih banyak berbanding dahulu," katanya.

AmResearch dalam laporan penyelidikan baru-baru ini pula berkata, belanjawan hari ini tentu mencerminkan aspirasi Kerajaan Perpaduan baharu dalam mereformasi pentadbiran negara.

Umum langkah penjimatan

Ketegasan Perdana Menteri dalam melaksanakan reformasi ini katanya, jelas berdasarkan pemerhatian yang mana sebaik sahaja menerajui negara, beliau mengumumkan beberapa langkah penjimatan.

Ia antaranya pemotongan gaji 20 peratus untuk semua menteri; penyaluran RM100 juta untuk projek tebatan banjir di Kelantan dan Terengganu; rebat tarif elektrik isi rumah dikekalkan pada dua sen bagi setiap kilowatt sejam (kWh); cukai hartanah bawah RM300,000 di Putrajaya; pemotongan kos ECRL RM11 bilion kepada RM75 bilion (kos asal pada 2016 ialah RM86 bilion) dan pengurangan peruntukan pembangunan untuk ahli Parlimen daripada RM3.8 juta kepada RM1.3 juta.

Malah, beliau antara lain mengutamakan mengukuhkan ketelusan, tata kelola, integriti dan kecekapan terutama dalam perolehan kerajaan dan peranan pembangunan syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Menerusi pembentangan belanjawan kali ini, Perdana Menteri tentunya berusaha untuk mempercepatkan lagi projek keutamaan, termasuk dalam penjagaan kesihatan dan pendidikan rakyat, sambil menghapuskan ketirisan dan mengurangkan pembaziran di tengah-tengah peningkatan hutang negara dan liabiliti lain yang kini melebihi RM1 trilion.

Secara keseluruhannya, belanjawan yang disemak ini kerajaan mungkin sukar untuk memberi 'buah tangan' yang dirasai secara saksama semua rakyat, dengan kemungkinan pengenalan beberapa cukai baharu.

Pengurangan cukai pendapatan peribadi sebanyak dua mata peraturan untuk kumpulan pendapatan tertentu yang dicadangkan dalam Belanjawan 2023 terdahulu untuk memanfaatkan lebih satu juta rakyat Malaysia berpendapatan sederhana atau M40, mungkin dikekalkan.

Dalam belanjawan kali ini, mereka dalam kumpulan T20 dijangka terpaksa membuat 'sedikit pengorbanan', walaupun sumber berkata, sebarang langkah yang memabatkan 'kelas atasan' ini mungkin tidak drastik atau radikal.

Golongan M40 pula dijangka menerima beberapa habuan kali ini, termasuk pengurangan cukai pendapatan bagi kumpulan pendapatan bercukai antara RM50,001 hingga RM100,000 sebanyak dua mata peraturan bagi tahun taksiaran 2023, daripada 13 peratus kepada 11 peratus bagi kumpulan RM50,001-RM70,000 dan daripada 21 peratus kepada 19 peratus untuk kumpulan RM70,001-RM100,000.